



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL PROSES PEMBINAAN
BUKU TEKS BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH
DI SINGAPURA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALHA BINTE MOHAMED HUSSAIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PEMBANGUNAN MODEL PROSES PEMBINAAN BUKU TEKS BAHASA
MELAYU SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA**

SALHA BINTE MOHAMED HUSSAIN



**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 Mac 2025.

Perakuan Pelajar:

Saya, SALHA BINTE MOHAMED HUSSAIN, P20132002409, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODEL PROSES PEMBINAAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROFESOR MADYA DR. DAHLIA JANAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODEL PROSES PEMBINAAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

11 Mac 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk/Title: PEMBANGUNAN MODEL PROSES PEMBINAAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA

No. Matrik /Matric's No.: P20132002409

Saya/I: SALHA BINTE MOHAMED HUSSAIN membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/ CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/ RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

☒

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor) & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MARYA DR. DAHLIA JANAH
Pusat Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@itk.upsi.edu.my

Tarikh: 11 Mac 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah swt yang telah mempermudah urusan saya untuk menyelesaikan disertasi ini. Pelbagai rintangan dan cabaran yang saya hadapi namun limpahan kurnia daripada Allah telah memberikan saya kesihatan, kesabaran, ketekunan serta semangat untuk terus berjuang demi menyempurnakan pengajian saya di peringkat PHD ini. Perjalanan dalam pengajian ini penuh dengan keperitan sehingga membuat saya hampir-hampir berputus asa. Namun, Allah telah memberikan saya kekuatan dan ketabahan serta meringankan usaha saya ini untuk meneruskan perjuangan saya. Terima kasih Allah kerana telah memakbulkan segala doa saya dan doa orang-orang yang prihatin dan kasih terhadap saya. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan saya kepada penyelia utama saya, A/P Dr Dahlia Janan, yang tidak jemu membimbing serta memberikan kata-kata dorongan buat saya. Beliau juga sentiasa menanyakan dan mengawasi perkembangan saya dalam kajian ini. Doa beliau serta kata-kata semangat beliau yang sentiasa diberikan kepada saya membuat saya bertekad untuk meneruskan pengajian saya hingga ke garisan penamat. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Mahzan Arshad selaku penyelia kedua saya atas nasihat dan bimbingan beliau. Perjalanan saya untuk menyempurnakan disertasi ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan galakan daripada orang-orang tersayang. Yang utama ialah ibu kandung saya, Hajjah Aminah Binte Keron, yang tidak putus-putus mendoakan dan memberi saya kata-kata semangat. Ucapan terima kasih saya juga buat Abah, Allahyarham Haji Mohamed Hussain Bin Haji Abdul Rahman, yang sentiasa memberikan keutamaan pada pelajaran saya sejak saya kecil lagi. Penghargaan juga buat ibu mertua saya, Allahyarhamha Hajjah Mahani Binte Mohd Idris, dan bapa mertua saya, Haji Masuri Bin Mohd Salleh, yang selalu mendoakan kejayaan saya. Buat suami tersayang, Mohamed Mokhsin Bin Masuri, kejayaan saya ini merupakan kejayaan beliau juga kerana beliau telah memberikan kebenaran kepada saya untuk terus menimba ilmu dan sentiasa memberikan sokongan. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada anak-anak, Siti Maisurah, Muhammad, Siti Masturah, Siti Munirah dan Siti Musfirah kerana memahami keadaan Ummi dan kepayahan yang Ummi lalui untuk menyelesaikan disertasi ini. Begitu juga dengan menantu-menantu, Luqman-Nul Hakim dan Muhammad Ubaidah serta cucu-cucu, Rumaysaa, Khidir, Sumayyah, Nafeesah dan Zakariyya. Moga kejayaan Ummi/Nyai ini dapat dijadikan inspirasi. Akhir sekali, penghargaan saya buat sekolah-sekolah, rakan-rakan guru dan setiap daripada mereka yang telah memberikan sumbangan dalam kajian saya ini. Tidak lupa juga kepada para sahabat, kenalan dan saudara-mara yang sentiasa mendoakan saya. Bagi saya, kejayaan ini milik kita bersama dan moga ia menjadi pembakar semangat buat semua pada masa akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini berfokus pada pembangunan model proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu untuk peringkat sekolah rendah di Singapura, dengan penekanan kepada keberkesanan buku teks terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji juga memberikan tumpuan kepada keupayaan model yang dibangunkan untuk memastikan mutu buku teks Bahasa Melayu yang dihasilkan sesuai dengan standard kualiti yang ditetapkan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang terdiri daripada tiga fasa: iaitu, analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, dan penilaian terhadap kebolegunaan model. Metodologi kajian ini melibatkan analisis dokumen, senarai semak, soal selidik dan temu bual dengan guru, pelajar dan beberapa pakar yang terlibat dalam pembinaan buku teks Bahasa Melayu di Singapura. Dapatan kajian ini terdiri daripada elemen-elemen penting proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu iaitu, pengenaltian keperluan pengguna, pengkonsepan, penulisan, konsultasi, pengujian, penerbitan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru dan pakar bersetuju bahawa elemen dalam proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu tersebut meningkatkan mutu buku teks yang dibina dan berkesan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Guru-guru memberikan maklum balas positif terhadap kandungan, bahasa, dan strategi pengajaran yang terdapat di dalam buku teks. Respons positif juga diterima daripada responden yang menilai buku teks dari Singapura, dan menunjukkan kesesuaian dan keberkesanan buku teks dalam proses pembelajaran. Kesimpulannya, model proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu mampu meningkat mutu buku teks. Implikasinya, model penting proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu dapat menjadi panduan sistematik bagi guru dan pembina bahan dalam merancang buku teks yang efektif untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah.



THE DEVELOPMENT OF A MODEL FOR THE PROCESS OF CONSTRUCTING MALAY LANGUAGE TEXTBOOKS FOR PRIMARY SCHOOLS IN SINGAPORE

ABSTRACT

This study focuses on the development of a model for the process of constructing Malay language textbooks for primary schools in Singapore, with an emphasis on the effectiveness of textbooks in supporting teaching and learning. The research also concentrates on the capacity of the developed model to ensure that the produced Malay language textbooks meet the established quality standards. The research design adopts a Design and Development Research (DDR) approach, which consists of three phases: needs analysis, design and development, and evaluation of the model's usability. The study's methodology includes document analysis, checklists, questionnaires, and interviews with teachers, students, and several experts involved in the development of Malay language textbooks in Singapore. The findings of the study highlight key elements in the process of developing Malay language textbooks, including identifying user needs, conceptualization, writing, consultation, testing, publication, implementation, monitoring, and evaluation. Additionally, the findings indicate that both teachers and experts agree that the elements in the textbook development process contribute to enhancing the quality of the textbooks and are effective in improving the teaching and learning of the Malay language at the primary school level. Teachers provided positive feedback on the content, language, and teaching strategies in the textbooks. Positive responses were also received from respondents who evaluated the textbooks from Singapore, indicating their relevance and effectiveness in the learning process. In conclusion, the model for the process of developing Malay language textbooks is capable of improving the quality of textbooks. Its implications suggest that this process model can serve as a systematic guide for teachers and material developers in planning effective textbooks for the teaching and learning of the Malay language at the primary school level.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Evolusi Sistem Pendidikan Singapura	3
1.2.2 Dasar Pendidikan Singapura	8
1.2.3 Semakan Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah	10
1.2.4 Kurikulum Bahasa Melayu di Singapura	17
1.2.5 Pembinaan Bahan Pengajaran secara Dalaman (<i>in-house</i>)	20





1.3	Pernyataan Masalah	22
1.4	Objektif Kajian	24
1.5	Persoalan Kajian	24
1.6	Kepentingan Kajian	25
1.7	Batasan Kajian	28
1.8	Definisi Operasional Kajian	28
1.9	Rumusan	36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	37
2.2	Teori, Model dan Prinsip Sandaran	38
2.2.1	Teori Pembelajaran	39
2.2.2	Teori Pembelajaran Kognitif	42
2.2.3	Model Kurikulum	52
2.2.4	Model Kurikulum TABA	56
2.2.5	Prinsip Pembinaan Buku Teks	61
2.3	Bahan Pengajaran	73
2.3.1	Konsep Pembinaan Bahan Pengajaran	76
2.3.2	Pembinaan Bahan Pengajaran secara Dalaman	79
2.3.3	Kajian tentang Kepentingan Buku Teks	88
2.3.4	Kajian tentang Keperluan Model Proses Pembinaan Buku Teks	98
2.4	Reka Bentuk Pengajaran	102
2.4.1	Model Reka Bentuk Pengajaran	105
2.4.2	Pembangunan Model Berdasarkan Reka Bentuk ADDIE	108
2.4.3	Kajian tentang Model ADDIE	110





2.5	Kerangka Konseptual Kajian	115
-----	----------------------------	-----

2.6	Rumusan	117
-----	---------	-----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	118
-----	-------------	-----

3.2	Reka Bentuk Kajian	118
-----	--------------------	-----

3.3	Instrumen Kajian	127
-----	------------------	-----

3.3.1	Protokol Temu Bual	128
-------	--------------------	-----

3.3.2	Senarai Semak Analisis Dokumen	131
-------	--------------------------------	-----

3.3.3	Borang Soal Selidik	132
-------	---------------------	-----

3.4	Sampel Kajian	133
-----	---------------	-----

3.5	Prosedur Penganalisan Data Kajian	141
-----	-----------------------------------	-----

3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	144
-----	----------------------------------	-----

3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	146
-----	---	-----

3.7.1	Kesahan Instrumen Kajian	147
-------	--------------------------	-----

3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	149
-------	-----------------------------------	-----

3.8	Etika dalam Penyelidikan	150
-----	--------------------------	-----

3.9	Matrik Kajian	151
-----	---------------	-----

3.10	Rumusan	152
------	---------	-----

BAB 4 REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODEL

4.1	Pendahuluan	154
-----	-------------	-----

4.2	Fasa Analisis Keperluan	154
-----	-------------------------	-----

4.2.1	Prosedur Kajian	158
-------	-----------------	-----

4.2.2	Peserta Kajian	161
-------	----------------	-----

4.2.3	Instrumen Kajian	164
-------	------------------	-----

4.2.4	Analisis Data	169
-------	---------------	-----



4.3	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	173
4.3.1	Prosedur Kajian	175
4.3.2	Peserta Kajian	178
4.3.3	Instrumen Kajian	179
4.3.4	Analisis Data	181
4.4	Fasa Penilaian	183
4.4.1	Prosedur Kajian	188
4.4.1.1	Temu Bual Pakar	190
4.4.1.2	Tinjauan Pengguna	193
4.4.2	Peserta Kajian	197
4.4.3	Instrumen Kajian	198
4.4.4	Analisis Data	201
4.5	Rumusan	204

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	205
5.2	Dapatan Fasa Analisis Keperluan	206
5.2.1	Dapatan Temu Bual Guru dan Pelajar (untuk Soalan 1.1)	207
5.2.1.1	Maklum Balas Guru dan Pelajar	208
5.2.2	Dapatan Temu Bual Pakar (untuk Soalan 1.2)	217
5.2.2.1	Model perlu sebagai satu panduan	219
5.2.2.2	Model perlu untuk menjamin mutu bahan	221
5.2.2.3	Model memastikan ketekalan prinsip	223
5.2.2.4	Model memastikan kesinambungan proses	224
5.3	Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	225



5.3.1	Elemen-elemen dalam model proses pembinaan bahan (untuk Soalan 2.1)	225
5.3.1.1	Dapatan Analisis Dokumen	226
5.3.2	Maklum Balas Pakar (untuk Soalan 2.2)	242
5.3.3	Pembangunan Model Proses Dinamik Pembinaan Buku Teks (untuk Soalan 2.3)	246
5.4	Dapatan Fasa Penilaian	259
5.4.1	Dapatan Analisis Statistik Deskriptif (untuk Soalan 3.1)	260
5.4.2	Analisis Tematik Deduktif (untuk Soalan 3.2)	266
5.4.2.1	Keberkesanan Buku Teks melalui Model	267
5.4.2.2	Kebolegunaan Model	273
5.5	Rumusan	279

BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	280
6.2	Ringkasan Kajian	280
6.3	Perbincangan	286
6.3.1	Perbincangan Dapatan Fasa I: Fasa Analisis Keperluan	286
6.3.2	Perbincangan Dapatan Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan	294
6.3.3	Perbincangan Dapatan Fasa III: Fasa Penilaian	299
6.4	Kekuatan dan Kelemahan Model	306
6.5	Implikasi Kajian	309
6.5.1	Implikasi terhadap Pembina Kurikulum dan Pembina Buku Teks Bahasa Melayu	309
6.5.2	Implikasi terhadap Ketua Jabatan dan Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Arus Utama	310



6.5.3	Implikasi terhadap Sekolah Swasta	311
6.5.4	Implikasi terhadap Penerbit Buku Teks	311
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	312
6.7	Rumusan	314
RUJUKAN		315
LAMPIRAN		355

**SENARAI JADUAL**

No Jadual		Muka Surat
1.1	Fasa Pendidikan di Singapura	4
1.2	Tiga Fasa Soalan Kajian	24
2.1	Kebaikan Membina Bahan-Bahan Pengajaran secara Dalaman (5P)	83
2.2	Contoh Model Reka Bentuk Pengajaran	105
3.1	Jenis Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan	123
3.2	Rumusan Jenis DDR	124
3.3	Fasa Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)	125
3.4	Kaedah Pengumpulan Data dalam DDR	126
3.5	Instrumen Kajian Setiap Fasa	128
3.6	Sampel Kajian	135
3.7	Kaedah Analisis Kajian	141
3.8	Senarai Panel Pakar Rujuk dalam Kajian	148
3.9	Matrik Kajian	151
4.1	Pecahan Komponen Mengikut Kaedah Kutipan Data	157





4.2	Keterangan Fasa Analisis Keperluan	158
4.3	Demografi Peserta Pakar Kajian	163
4.4	Penerangan tentang Fasa Reka Rentuk dan Pembangunan	175
4.5	Peserta Kajian yang Ditemu Bual	179
4.6	Soalan-soalan Soal Selidik Guru	184
4.7	Keterangan Fasa Penilaian Kebolehgunaan	188
4.8	Soalan-soalan Temu Bual Pakar	191
4.9	Kategori Item dalam Soal Selidik Pelajar	195
4.10	Peserta Kajian Kebolehgunaan Model	197
5.1	Keterangan Bab Dapatan Kajian	205
5.2	Maklum Balas Guru melalui FGD	208
5.3	Maklum Balas Pelajar melalui FGD	210
5.4	Kod-kod yang Dikenal Pasti	218
5.5	Senarai Proses Pembinaan Bahan	235
5.6	Kepentingan Sesi Konsultasi	240
5.7	Senarai Semak Elemen oleh Pakar	243
5.8	Soal Selidik Maklum Balas Guru tentang Buku Teks	260
5.9	Soal Selidik Maklum Balas Pelajar tentang Buku Teks	264





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Hasil Pendidikan yang Diingini dan Kecekapan Abad ke-21	12
2.1	Proses Pembelajaran Pembezaan (Tomlinson; 2010)	50
2.2	Elemen-elemen Model Kurikulum TABA	58
2.3	Fasa-fasa dalam Model ADDIE	110
2.4	Kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Proses Pembinaan Buku Teks	116
3.1	Prosedur Menjalankan Kajian	144
4.1	Carta Alir Analisis Keperluan	156
4.2	Prosedur Kutipan Data Fasa Analisis Keperluan	159
4.3	Triangulasi Sumber Data Fasa Analisis Keperluan	160
4.4	Proses Pemilihan Peserta Temu Bual	167
4.5	Protokol Temu Bual berdasarkan Model Responsif Temu Bual	168
4.6	Proses Penganalisisan Data	170
4.7	Fasa Pengumpulan dan Penganalisisan Data (Peel, 2020)	172



4.8	Carta Alir Reka Bentuk dan Pembangunan	174
4.9	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	176
4.10	Proses Penganalisisan Data	182
4.11	Carta Alir Reka Bentuk dan Pembangunan	187
4.12	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Penilaian	189
4.13	Proses Temu Bual Pakar	190
4.14	Prosedur Pelaksanaan Tinjauan kepada Pengguna	197
4.15	Instrumen Fasa Penilaian – Kebolegunaan Model	199
4.16	Protokol Temu Bual Fasa Penilaian	201
4.17	Proses Menganalisis Data Kualitatif	203
5.1	Proses Mengenal Pasti Kod Temu Bual	218
5.2	Model Pembinaan Bahan Jolly dan Bolitho (2011)	232
5.3	Model Proses Dinamik Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah	248
5.4	Carta Aliran Pembinaan Bahan	255



SENARAI SINGKATAN

21CC	<i>21st Century Skills</i> – Kemahiran Abad Ke-21
CCE	<i>Character and Citizenship Education</i> - Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan
CDIS	<i>Curriculum Development Institute of Singapore</i> – Institut Pembangunan Kurikulum Singapura
CPDD	<i>Curriculum Planning & Development Division</i> – Divisyen Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
CRO	<i>Corporate Research Office</i> - Pejabat Kajian Korporat
DDR	<i>Design & Development Research</i> – Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan
DGE	<i>Director-General of Education</i> - Pengarah Agung Pendidikan
FGD	<i>Focus Group Discussion</i> – Perbincangan Kumpulan Berfokus
ICT	<i>Information and Communication Technology</i> – Teknologi Informasi dan Komunikasi
MLCPRC	<i>Malay Language Curriculum & Pedagogy Review Committee</i> – Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu
MLU	<i>Malay Language Unit</i> – Unit Bahasa Melayu
MOE	<i>Ministry of Education, Singapore</i> – Kementerian Pendidikan Singapura
PD	<i>Proficiency Descriptors</i> – Deskriptor Kecekapan
PISA	<i>Programme for International Students Assessment</i> - Program Penilaian Pelajar Antarabangsa





RMIC	<i>Reasearch Management and Innovation Centre</i> - Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
RMID	<i>Research and Management Information Division</i> – Divisyen Kajian dan Pengurusan Informasi
TIMMS	<i>Trends in International Mathematics and Science Society</i> - Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- B Contoh Surat Pelantikan Pakar
- C Surat Etika Ketika Menjalankan Kajian
- D Surat Kebenaran daripada MOE Singapura untuk Menjalankan Kajian
- E Soalan-soalan Temu Bual dengan Pakar
- F Contoh Transkripsi Temu Bual dengan Pakar
- G Senarai Semak Analisis Dokumen
- H Borang Tinjauan: Soal Selidik Guru
- I Borang Tinjauan: Soal Selidik Murid



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan di Singapura melalui pelbagai arus perubahan sejak lima abad yang lalu. Beberapa dasar telah berubah secara berterusan sejajar dengan pembangunan dan keperluan negara. Perubahan ini dapat dikategorikan berdasarkan empat fasa. Setiap fasa itu memberikan kesan atau implikasi yang berbeza terhadap kurikulum yang dibina.

Faktor-faktor seperti globalisasi, perubahan demografi, trend dan isu global, dan kemajuan teknologi adalah sebahagian daripada kuasa yang membentuk satu persekitaran yang dipanggil VUCA yang bermaksud kemruapan (*volatility*), ketidakpastian (*uncertainty*), kerumitan (*complexity*) dan ketaksaan (*ambiguity*) (Heng, 2013). Dalam Seminar Kerangka Kerja Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) 2013, Menteri Pendidikan Singapura pada ketika itu, Encik Heng Swee Keat, menyatakan bahawa kita perlu menyediakan para pelajar agar mereka lebih yakin untuk menghadapi masa akan datang dan dunia yang tidak menentu. Menurut beliau;



“...kita perlu menyediakan pelajar-pelajar kita agar dapat menyesuaikan diri dan sentiasa mempunyai keinginan untuk belajar. Mereka perlu mempunyai keyakinan diri untuk menghadapi masalah yang tiada jalan penyelesaian yang jelas. Dan mereka perlu berupaya untuk bekerja secara efektif dengan orang lain daripada pelbagai bangsa dan warganegara, dan berkomunikasi dengan jelas.” (hlmn. 10)

Disebabkan empat faktor yang dinyatakan tadi, maka kurikulum di Singapura harus melalui perubahan pada setiap enam hingga lapan tahun. Kurikulum ini berfokus kepada perkara-perkara seperti pendidikan holistik dan Kemahiran Abad ke-21 agar pelajar lebih bersedia untuk melalui dunia pekerjaan dan kehidupan pada masa hadapan.

Dalam perubahan kurikulum, pastinya buku teks yang digunakan oleh pelajar juga perlu diubah. Hal ini harus dilakukan untuk memastikan relevanan dengan keadaan semasa dan profil pelajar. Buku teks merupakan dokumen penting dalam kurikulum dan memainkan peranan yang dominan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu subjek di sekolah (Sherman et al., 2016; Hterdapatr, 2017). Buku teks juga merupakan bahan (buku) pengajaran sekolah yang perlu digunakan dan dijadikan bahan rujukan harian oleh pelajar (Ivanuš Grmek, 2003; Mullis et al., 2012). Menurut Marentič Požarnik (1988), buku teks boleh diklasifikasikan sebagai salah satu faktor yang menentukan kejayaan pembelajaran. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa buku teks mempunyai pengaruh yang agak besar bagi mencapai matlamat kurikulum (Haidar, 2017).

Justeru, pengkaji berminat untuk mengkaji buku teks Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian berkaitan pembinaan buku teks adalah penting dan perlu dilaksanakan. Perlunya kajian pembinaan buku teks ini juga disarankan oleh para pengkaji seperti Brian Tomlinson dan Hitomi Masuhara. Menurut Tomlinson (2010) kajian berkaitan





buku teks ini akan memastikan buku teks yang dihasilkan menepati kurikulum dan juga sasaran pembaca. Berdasarkan sorotan kajian yang dibaca pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian dijalankan berkaitan dengan keberkesanan penggunaan buku teks. Namun, tidak terdapat banyak kajian yang dijalankan berkaitan dengan proses pembinaan buku teks itu sendiri. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan terdapat kelompangan dalam bahagian ini dan perlunya kajian dilakukan. Latar belakang kajian ini akan dibentangkan dalam bahagian seterusnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan latar belakang yang menjadi asbab bagi kajian ini. Perkembangan tentang sistem pendidikan di Singapura, semakan kurikulum yang berlaku sejak beberapa tahun yang lalu, serta aspek pembinaan buku teks yang dilakukan di MOE akan dijelaskan.

1.2.1 Evolusi Sistem Pendidikan Singapura

Sistem pendidikan di Singapura melalui pelbagai arus perubahan sejak lima abad yang lalu. Beberapa dasar telah berubah secara berterusan sejajar dengan pembangunan dan keperluan negara. Perubahan ini dapat dikategorikan berdasarkan empat fasa. Setiap fasa itu memberikan kesan atau implikasi yang berbeza terhadap kurikulum yang dibina. Selanjutnya, Jadual 1.1 menjelaskan fasa pendidikan yang berlaku di Singapura sejak tahun sebelum merdeka iaitu pada tahun 1959, hingga ke masa kini.



**Jadual 1.1***Fasa Pendidikan di Singapura*

Fasa	Tahun	Fokus Pendidikan
I	1959 – 1978	Pendidikan Berpandukan Penakatan - Pendidikan pada masa ini bermatlamat untuk membangunkan buruh mahir untuk tujuan pengindustrian
II	1979 – 1996	Pendidikan Berpandukan Kecekapan - Sistem pengaliran atau <i>streaming</i> diperkenalkan pada masa ini - Pembinaan buku teks dan bahan pengajaran dilakukan oleh bahagian pembangunan kurikulum di Kementerian Pendidikan (MOE)
III	1996 – 2011	Pendidikan Berpandukan Keupayaan – Berpacuan Aspirasi - Pendidikan pada masa ini memberikan lebih tumpuan pada mutu, keanjalan dan pemilihan dalam pembelajaran - Kurikulum memberikan penekanan terhadap kerja projek, pemikiran kritikal, teknologi informasi dan maklumat
IV	2011 - kini	Pendidikan yang Berpusat kepada Pelajar dan berpandukan Nilai Murni - Pendidikan pada waktu ini lebih menekankan perkembangan perwatakan dan penyemaian nilai

**a Fasa 1: Pendidikan Berpandukan Penakatan (1959 – 1978)**

Pada awalnya, sistem pendidikan di Singapura terpacu daripada penakatan dan pembangunan negara. Oleh itu, fokus pada waktu itu ialah pendidikan secara besar-besaran dengan usaha untuk membangunkan buruh mahir untuk tujuan pengindustrian. Pada masa inilah, dasar dwibahasa diperkenalkan supaya kesemua pelajar mempelajari kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda masing-masing di sekolah.





b Fasa 2: Pendidikan Berpandukan Kecekapan (1979 – 1996)

Pada lewat tahun 1970-an, jumlah kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah semakin meningkat tetapi jumlah mereka yang tercicir di sekolah juga semakin bertambah. Dalam fasa ini, pemerintah Singapura sedar akan kepentingan untuk membina kurikulum yang menyediakan pelbagai laluan kepada para pelajar supaya mereka tidak mudah tercicir daripada sistem pendidikan. Sistem pengaliran atau *streaming* telah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah berdasarkan keupayaan akademik para pelajar. Atas kesedaran bahawa setiap pelajar mempunyai perbezaan dalam segi kognitif, gaya dan tahap pembelajaran mereka, maka pelajar telah dimasukkan ke dalam aliran pendidikan yang berbeza untuk membantu mereka mencapai potensi berdasarkan keupayaan masing-masing. Dalam masa ini jugalah, Institut Pembangunan Kurikulum Singapura (*Curriculum Development Institute of Singapore or CDIS*) telah diwujudkan untuk menghasilkan buku teks dan bahan pengajaran yang bermutu tinggi untuk aliran yang pelbagai ini.

c Fasa 3: Pendidikan Berpandukan Keupayaaan - Berpacukan Aspirasi (1996 – 2011)

Pada pertengahan tahun 1990-an, fokus pendidikan di Singapura lebih tertumpu pada mutu, keanjalan dan pemilihan dalam pembelajaran. Adalah penting untuk membangunkan para pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk menempuhi Abad ke-21, seperti pemikiran kritikal dan kreatif. Sekolah-sekolah juga diberikan autonomi untuk membentuk visi masing-masing, berpandukan inisiatif dan arah tuju yang ditetapkan oleh MOE. Beberapa perubahan telah dilakukan untuk memberikan keanjalan dan kebebasan kepada pelajar untuk memilih laluan dalam sistem pendidikan.





Demi mempersiapkan para pelajar untuk menghadapi masa hadapan, kurikulum memberikan penekanan terhadap kerja projek dan pemikiran kritikal. Tumpuan diberikan pada teknologi informasi dan maklumat sebagai pemangkin untuk pembelajaran sendiri dan kolaboratif. Pada waktu ini juga, sebagai sebahagian daripada inisiatif “Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar”, “Ruang Putih” telah diadakan untuk memberi para pelajar lebih banyak masa untuk melalui pembelajaran yang lebih mendalam. Inisiatif “Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar” diperkenalkan oleh MOE pada tahun 2005 untuk membawa satu perubahan penting dalam sistem pendidikan di Singapura. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kritis, kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Fokus utama adalah untuk mengurangkan penghafalan dan pengajaran guru. Guru perlu mengurangkan pengajaran konsep supaya pelajar dapat mempelajari lebih banyak maklumat atau konsep melalui penerokaan dalam pembelajaran. Lazimnya, pelajar akan dapat mengekalkan maklumat yang dipelajari dengan lebih baik apabila maklumat itu diperoleh sendiri melalui pembelajaran sendiri sama ada secara individu atau berkumpulan. Antara perubahan pada sistem pendidikan yang telah dilakukan adalah seperti yang berikut:

- i. Mengurangkan kandungan yang diajarkan di dalam bilik darjah;
- ii. Kandungan tambahan akan diajarkan kalau pelajar menanyakan soalan-soalan apabila mereka memerlukan maklumat yang belum diperoleh;
- iii. Pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran daripada guru;
- iv. Dalam penilaian, pelajar dinilai tentang perkara yang diketahui dan maklum balas diberikan berdasarkan pengetahuan mereka;





- v. Guru sebagai pemudah cara dan bukan lagi sebagai sumber maklumat yang utama;
- vi. Kurikulum bersifat lebih anjal dan ibu bapa atau waris terlibat sama dalam proses pembelajaran pelajar.

Konsep “Ruang Putih” yang diperkenalkan sengaja diwujudkan bagi membantu untuk memberi para guru ruang dan masa untuk membina pelajaran yang tersesuai atau *customised* mengikut keperluan dan keupayaan pelajarannya. Guru boleh menggunakan “ruang” ini untuk menyediakan pelbagai strategi pengajaran dan kaedah penilaian, sama ada penilaian formatif atau sumatif, untuk merangsang minat pelajar mereka dalam pembelajaran.



d Fasa 4: Pendidikan yang Berpusat kepada Pelajar dan Berpandukan Nilai Murni (2011 – kini)

Sejak 50 tahun yang lalu, Singapura telah mengecap pelbagai kejayaan dalam bidang pendidikan. Ini terbukti dengan kelakonan cemerlang pelajar-pelajar kami dalam penilaian antarabangsa seperti Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dan Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMMS). Hal ini menjadi kebanggaan Singapura dan membuktikan keunggulan sistem pendidikannya yang dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi dalam penilaian peringkat antarabangsa. Namun begitu, kelakonan cemerlang ini harus diteruskan demi mempersiapkan pelajar untuk masa hadapan. Dalam hal ini, sistem pendidikan Singapura harus berhijrah daripada pemerolehan pengetahuan kepada sistem yang menekankan perkembangan perwatakan dan penyemaian nilai. Disebabkan terdapat





banyak ketidakpastian di dalam dunia ini, maka para pelajar perlu disediakan dengan pelbagai kemahiran aras tinggi dan kemahiran berfikir secara kritis dan inventif supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia global. Mereka perlu dilengkapi dengan pembangunan perwatakan dan nilai murni agar menjadi generasi yang mempunyai keterikatan kepada budaya masyarakatnya (*sense of rootedness*) dan komitmen terhadap Singapura. Oleh sebab itu, setiap subjek yang diajarkan di sekolah-sekolah perlu menerapkan aspek pembinaan perwatakan untuk memastikan pelajar-pelajar Singapura masih berpegang pada adab dan berhemah dalam segala perlakuan mereka.

1.2.2 Dasar Pendidikan Singapura



Dasar Pendidikan Singapura menegaskan prinsip dwibahasa yang merupakan tunggak utama yang mewajibkan pembelajaran Bahasa Ibunda dalam kurikulum sekolah di negara ini. Dasar ini memerlukan setiap pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda (Bahasa Mandarin, Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil) di sekolah. Dasar dwibahasa di Singapura ini dilaksanakan sejak tahun 1959 untuk membantu rakyat Singapura menguasai Bahasa Inggeris bagi kepentingan ekonomi, dan mengekalkan nilai, adat dan tradisi budaya masyarakat Melayu melalui pembelajaran Bahasa Ibunda. Oleh itu, penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda memberikan kelebihan budaya dan ekonomi untuk memastikan penakatan dan kejayaan masyarakat Singapura yang berbilang budaya dan berbilang bangsa. Menurut Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong, dalam laporan yang dihasilkan berdasarkan pengamatan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda (2011);





“Dasar dwibahasa Singapura telah membawa manfaat kepada kita. Kebolehan menggunakan Bahasa Ibunda meletakkan kita sebagai masyarakat Asia dan, mengekalkan jati diri dan nilai Asia kita serta memberikan kelebihan kepada warga kita dalam ekonomi global... Kita perlu melakukan yang terbaik untuk mengekalkan warisan bahasa dan kelebihan kita.” (hlmn. 5).

Namun demikian, Singapura harus menghadapi cabaran dalam segi perubahan demografi yang agak pesat. Penggunaan bahasa dominan di rumah dalam kalangan masyarakat Singapura semakin berubah. Dapatan satu tinjauan yang terperinci melaporkan bahawa terdapat trend yang meningkat bagi penggunaan Bahasa Inggeris yang menjadi bahasa dominan di rumah. Bahasa yang digunakan di rumah mempengaruhi sikap para pelajar terhadap Bahasa Ibunda dan kecekapan mereka dalam penguasaan Bahasa Ibunda. Pemerintah Singapura sedar akan keperluan untuk mengemas kini kurikulum bahasa agar pengajaran dan pembelajaran dapat diselaraskan dengan perubahan ini. Maka, beberapa semakan telah dilakukan terhadap Kurikulum Bahasa Ibunda yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda, serta untuk memastikan dasar dwibahasa di Singapura kekal berkesan dan relevan. Berdasarkan pada Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2005);

“Dwibahasa merupakan asas dalam dasar pendidikan kita. Tahap kecekapan penduduk kita yang boleh bertutur lebih daripada satu bahasa ialah satu ciri yang diiktiraf secara antarabangsa bagi Singapura. Ini juga merupakan satu kualiti yang perlu dipertingkatkan di tengah-tengah perubahan demografi dan persekitaran yang tidak dapat dielakkan.” (hlmn.1)

MOE Singapura mempunyai Falsafah Kurikulum Singapura yang selaras dengan matlamat kurikulum kebangsaan. Dalam falsafah tersebut, beberapa prinsip utama digariskan:



- i. menjelaskan peranan dan tujuan pendidikan;
- ii. menggambarkan pedagogi sebagai satu sistem yang merangkumi semua pengajaran dan pembelajaran, termasuk penggunaan teknologi pendidikan, dan yang didasari oleh teori pembelajaran;
- iii. menentukan peranan penilaian dalam kurikulum dan dalam membentuk budaya pembelajaran, dengan merujuk kepada Falsafah Penilaian Kementerian Pendidikan yang terkini.

Selain itu, Kurikulum Kebangsaan Singapura direka berdasarkan empat prinsip yang tersebut:

- i. asas yang kukuh;
- ii. kesediaan untuk masa hadapan;
- iii. pendidikan holistik;
- iv. pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif.

1.2.3 Semakan Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Pendidikan di Singapura mempunyai dua tujuan yang utama. Pertama, pendidikan bertujuan untuk membina sikap dan mempersiapkan pelajar agar menjadi rakyat dan seorang warganegara yang baik. Kedua, pendidikan di Singapura dibina untuk menyediakan pelajar ketika mengharungi alam kehidupan yang sebenar, terutamanya dalam alam pekerjaan (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah, 2015). Kurikulum Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah telah menggariskan beberapa



hasil pendidikan yang diinginkan yang bermatlamat untuk menjadikan para pelajar sebagai:

- i. pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi yang bukan sahaja dapat membezakan perkara yang baik daripada yang buruk, malah dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya, berfikiran kritis serta fasih dalam berkomunikasi;
- ii. pelajar yang mempunyai arah sendiri dan mempunyai tanggungjawab terhadap pembelajarannya sendiri, serta berupaya untuk melakukan renung nilai atau refleksi bagi mencapai kejayaan dalam pembelajaran;
- iii. pelajar yang dapat menyumbang secara aktif dalam pembelajaran, berani mengambil risiko, bersikap inovatif untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik;
- iv. pelajar yang berupaya untuk menjadi seorang rakyat yang prihatin, yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, sangat cinta akan negara serta sentiasa memikirkan cara untuk memperbaiki kehidupan orang lain di sekelilingnya.

Pada akhir peringkat pendidikan di sekolah rendah, kurikulum yang dibentangkan berharap agar pelajar dapat melakukan perkara-perkara ini:

- berupaya untuk membuat pembezaan antara yang baik dengan yang buruk;
- mempunyai kekuatan dan kecenderungan untuk mencapai kemajuan;
- dapat bekerjasama, berkongsi dan mengambil berat terhadap orang lain;
- memupuk sikap ingin tahu tentang perkara-perkara yang berlaku;



- berupaya untuk memberikan pandangan dengan yakin;
- mempunyai kesedaran terhadap seni dan budaya;
- mengenal dan juga cinta akan tanahairnya.

Selain itu, melalui Sukatan Pelajaran, pelajar juga dilengkapi dengan Kemahiran Abad ke-21, yang merupakan kemahiran penting untuk mempersiapkan pelajar bagi menghadapi cabaran abad ke-21 ini. Antara kemahiran-kemahiran yang diterapkan ialah kemahiran informasi, kolaborasi dan komunikasi, berfikir secara kritis dan inventif dan pemahaman literasi sivik dan silang budaya. Dengan kelengkapan dari segi kemahiran-kemahiran ini, pelajar dapat mengaplikasikannya dan menyesuaikan diri dalam mengharungi perubahan pesat yang berlaku di dunia. Pelajar perlu mempunyai daya tahan serta membina kemahiran-kemahiran baharu untuk mencapai kejayaan dalam hidup mereka (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah 2015). Rajah 2.1 menunjukkan kerangka Kemahiran Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini:

Rajah 1.1

Hasil Pendidikan yang Diingini dan Kecekapan Abad ke-21



(Sumber: Sukatan Pelajaran CCE, 2021)



Dalam Rajah 1.1, dibentangkan satu kerangka yang menunjukkan Hasil Pendidikan yang Diingini dan Kecekapan Abad ke-21 di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015. Dalam bahagian tengah, terdapat nilai-nilai teras yang perlu dipupuk dalam diri pelajar untuk menjadikan mereka warganegara yang mempunyai perwatakan yang baik dan mulia. Dalam lingkaran di luar nilai teras pula merupakan Kemahiran Sosial dan Emosi yang perlu dimiliki oleh pelajar untuk menguruskan emosi dan berupaya untuk menguruskan emosi dalam lingkungan kehidupan mereka serta untuk mereka menangani keadaan atau situasi yang mencabar dengan lebih baik. Lingkaran selepas itu pula menerangkan kemahiran-kemahiran memunculkan yang diperlukan dalam dunia sejagat. Bahagian luar kerangka ini menunjukkan Hasil Pendidikan yang Diingini yang diharap dapat dilengkapkan dalam diri para pelajar.



Sejak tahun 1990, Kurikulum Bahasa Ibunda telah melalui empat semakan. Semakan pada tahun 1992 dan 1999 telah menghasilkan sistem penyaluran dalam peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, berdasarkan kelakonan pelajar dalam peperiksaan utama di peringkat nasional. Para pelajar yang menghadapi masalah dalam menguasai Bahasa Ibunda juga telah diberikan pilihan untuk memilih aliran kelas Bahasa Ibunda yang mempunyai kandungan dan teks yang lebih mudah daripada aliran yang standard. Hanya pelajar yang layak sahaja yang dibenarkan untuk menawarkan subjek ini di sekolah. Menyusuli semakan-semakan ini, buku teks dan pelbagai bahan pengajaran juga dibangunkan untuk keperluan para pelajar, sejajar dengan aliran atau sukatan bahasa yang ditawarkan.





Pada tahun 2005, MOE telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) dalam usaha mendukung hasrat negara untuk menjadikan pendidikan kekal relevan dalam era globalisasi. Dalam semakan itu, jawatankuasa tersebut telah menampilkan satu wawasan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan berpandukan visi yang dipanggil “Arif Budiman” – insan yang berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Visi ini telah diwujudkan ketika semakan kurikulum dilakukan pada tahun tersebut. Visi ini diharap dapat memberikan satu hala tuju bagi para guru dan pelajar untuk mengukuhkan kecekapan bahasa dan penghayatan mereka terhadap budaya. Dalam pada itu, saranan-saranan lain yang diajukan oleh jawatankuasa itu termasuk membina semangat untuk mencapai kecemerlangan, kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu dan pengajaran pembezaan.



Berdasarkan visi Arif Budiman dan saranan-saranan itu, pihak MOE telah membina Sukatan Pelajaran bagi Kurikulum Bahasa Melayu 2008 di peringkat sekolah rendah dengan tujuan untuk membina literasi pelajar dalam berbahasa. Sukatan Pelajaran ini memberikan tumpuan terhadap kemahiran berbahasa, mementingkan pembelajaran yang berkesan dan menekankan pelibatan pelajar secara aktif. Sukatan ini juga mengutamakan keupayaan dan keperluan setiap pelajar. Maka, pengajaran pembezaan diberikan fokus dengan mengambil kira latar belakang, kebolehan dan minat pelajar yang berbeza-beza.

Pada peringkat awal sekolah rendah, penekanan diberikan kepada pemerolehan kemahiran asas, iaitu mendengar dan bertutur, untuk membolehkan pelajar bertutur dengan fasih dan yakin. Kemahiran-kemahiran ini akan dikembangkan untuk





menyokong pemerolehan kemahiran membaca dan menulis pada peringkat selanjutnya. Sukatan Pelajaran ini juga menegaskan penerapan aspek nilai dan budaya. Selain itu, terdapat juga penerapan kemahiran berfikir, teknologi maklumat, pembelajaran sosial dan emosi, serta inovasi dan keusahawanan. Kesemua aspek ini diterjemahkan ke dalam buku teks dan bahan pengajaran baharu yang juga dibina sendiri oleh pihak MOE.

MOE bukan sahaja komited dalam memastikan agar dasar dwibahasa terus dikekalkan. Malah, usaha-usaha berterusan dilakukan untuk mengemas kini dan meningkatkan kerelevanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda, memandangkan persekitaran bahasa yang berubah terutama sekali di rumah dan dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam satu tinjauan yang dilakukan untuk menunjukkan penggunaan bahasa dalam tahun 1991, peratusan pelajar yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang paling kerap digunakan di rumah ialah 13 peratus. Pada tahun 2010 pula, peratusan ini meningkat kepada 37 peratus dan semakin meningkat pada setiap tahun selepas itu.

Hal ini telah mendorong penubuhan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda pada tahun 2010 yang diterajui oleh Pengarah Agung Pendidikan (*Director General of Education or DGE*) untuk menilai perkembangan-perkembangan ini dan kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura. Laporan yang dibentangkan oleh jawatankuasa tersebut menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan daripada semakan 2005 telah memberikan manfaat. Peratusan pelajar Darjah Enam yang meminati Bahasa Melayu semakin meningkat pada tahun 2010 jika dibandingkan dengan tinjauan yang dijalankan pada tahun 2005. Para guru dan ibu





bapa juga mengesahkan bahawa terdapat perubahan dan hasil yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda berdasarkan semakan itu. Oleh itu, semakan 2010 akan meneruskan usaha untuk memperhalus dan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda (2010) menyatakan bahawa;

“Pembaharuan dalam Bahasa Ibunda berdasarkan semakan pada tahun 2004 dan 2005 berada pada landasan yang betul dan membuahkan hasil. Kita mengiktiraf usaha gigih para guru Bahasa Ibunda dalam melaksanakan Kurikulum Bahasa Ibunda yang baharu dan kita akan meneruskan usaha ini berdasarkan kekuatan yang sedia ada.” (hlmn. 18).

Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 juga menekankan kepentingan untuk menjadikan Bahasa Ibunda sebagai bahasa yang hidup, digunakan dalam kehidupan harian serta dihargai. Bahasa Ibunda tidak dianggap remeh dan digunakan bukan sekadar sebagai subjek untuk peperiksaan sahaja. Jawatankuasa ini telah membentangkan beberapa saranan dalam proses pembentukan literasi Bahasa Ibunda pelajar agar dapat memupuk pelajar yang aktif dan pengguna yang cekap. Kaedah pengajaran harus mengambil kira latar belakang dan kebolehan pelajar yang pelbagai. Oleh itu, pengajaran pembezaan harus diperluas untuk membantu pelajar yang mempunyai keupayaan yang berbeza.

MOE juga menyediakan deskriptor kecekapan (*proficiency descriptors* atau *PD*) yang memberikan panduan untuk menentukan kecekapan bahasa yang perlu dicapai pada peringkat-peringkat tertentu. Dalam dokumen PD ini, bagi setiap peringkat persekolahan dari sekolah rendah Darjah Satu hingga ke peringkat prauniversiti, keterangan tentang tahap pencapaian bagi setiap kemahiran bahasa dijelaskan secara terperinci. Penerangan dalam dokumen ini membantu untuk menyelaraskan pengajaran





dan penilaian, dan menjadi rujukan utama dalam pembinaan buku teks. Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 juga telah menyarankan agar kemahiran interaksi pelajar diperkukuh melalui aktiviti dan tugas yang autentik dan relevan. Penggunaan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) pula akan diperluas untuk memperkukuh pengetahuan dan pemahaman pelajar serta menjadikan pengajaran lebih menarik. Berdasarkan saranan-saranan ini, Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 telah dibina. Dalam bahagian selanjutnya, pengkaji akan menerangkan usaha Singapura dalam menghasilkan buku-buku teks di sekolah-sekolah.

1.2.4 Kurikulum Bahasa Melayu di Singapura

Bahagian ini akan menjelaskan perubahan kurikulum Bahasa Melayu yang berlaku di Singapura dalam beberapa kitaran. Bagi setiap pembaharuan kurikulum, pakej bahan pengajaran akan dibangunkan. Di peringkat sekolah rendah, pihak MOE Singapura telah menghasilkan beberapa buku teks sebagai sebahagian daripada pakej bahan pengajaran yang dibina. Buku-buku teks itu adalah seperti yang berikut: KITA (tahun pelaksanaan - 1994), AKAR (tahun pelaksanaan - 2001), MEKAR (tahun pelaksanaan - 2008), CEKAP (tahun pelaksanaan – 2015). Nama buku-buku teks ini, yang dihasilkan bagi peringkat Darjah Satu hingga Darjah Enam, adalah berdasarkan pendekatan dan prinsip pengajaran dan pembelajaran yang menjadi fokus bagi setiap kurikulum yang dibina. Selain buku teks, bahan pengajaran lain yang dibina sama adalah terdiri daripada bahan-bahan bercetak seperti Buku Teks, Buku Aktiviti, Buku Besar, Buku Kecil, Panduan Guru, Kad Imbasan dan Kad Bergambar. Selain itu, bahan-bahan digital seperti audio lagu dan bahan kefahaman mendengar, permainan interaktif dan video





dihasilkan untuk digunakan di bilik darjah bagi mencapai kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa yang tertentu dalam setiap pelajaran.

Pada peringkat sekolah menengah pula, antara buku-buku teks yang telah dihasilkan oleh pihak MOE Singapura ialah PANCARAN BAHASA (tahun pelaksanaan - 1993), JENDELA BAHASA (tahun pelaksanaan - 2008), JAUHARI (tahun pelaksanaan - 2011) dan JATi (tahun pelaksanaan - 2021). Bahan-bahan bercetak lain yang dihasilkan selain Buku Teks ialah Buku Aktiviti dan Panduan Guru. Manakala bahan-bahan digital berupa video dan audio kefahaman mendengar juga dihasilkan bersama.

Pada peringkat prauniversiti pula, pihak MOE Singapura tidak menyediakan sebarang bahan pengajaran bagi pelajar kecuali Sukatan Pelajaran. Guru-guru yang mengajar di peringkat prauniversiti dilatih untuk menggunakan Sukatan Pelajaran bagi membina bahan pengajaran yang sesuai untuk para pelajar di institusi masing-masing, tidak kira sama ada dalam bentuk bercetak atau tidak bercetak. Guru-guru boleh mendapatkan masihat atau bimbingan daripada pihak CPDD, MOE, untuk menghasilkan bahan pengajaran mereka sendiri.

Pendidikan Bahasa Melayu bagi peringkat sekolah rendah di Singapura dibahagikan kepada tiga kursus yang dilaksanakan sepenuhnya pada peringkat Darjah Lima dan Darjah Enam – kursus Bahasa Melayu Asas lebih khusus bagi pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan, Bahasa Melayu Standard pula ditawarkan untuk pelajar yang majoriti, dan Bahasa Melayu Lanjutan ditawarkan bagi pelajar yang lebih tinggi keupayaan mereka. Bagi peringkat Darjah Satu hingga Darjah Empat, kesemua





pelajar harus mempelajari Bahasa Melayu Standard. Pada akhir peringkat Darjah Empat, pelajar diberikan peluang untuk mengambil Bahasa Melayu dalam kursus Asas, Standard atau Lanjutan.

Bagi peringkat sekolah menengah pula, pelajar ditawarkan untuk mempelajari Bahasa Melayu sama ada dalam kursus Normal Teknikal, Normal Akademik, Ekspres atau Bahasa Melayu Lanjutan. Kursus Normal Teknikal merupakan kursus yang menyediakan pelajar untuk pendidikan vokasional selepas pendidikan menengah. Kursus Ekspres ditawarkan kepada majoriti pelajar untuk menyediakan mereka memasuki alam pendidikan pada peringkat diploma di politeknik atau maktab rendah. Bagi 30 peratus pelajar yang berkebolehan, mereka boleh mempelajari Bahasa Melayu Lanjutan selama mereka bersekolah di sekolah menengah.



Peringkat prauniversiti merupakan pembelajaran pada tahap posmenengah. Di Singapura, berdasarkan kelakonan pelajar, mereka boleh menawarkan untuk belajar selama dua tahun di maktab rendah, atau tiga tahun di pusat prauniversiti. Pelajar boleh mempelajari Bahasa Melayu sama ada dalam kursus H1, H2 atau H3. Kursus-kursus ini ditawarkan kepada pelajar mengikut keupayaan mereka – H1 merupakan peringkat asas, H2 ialah peringkat standard, dan H3 ialah peringkat lanjutan.

Pembinaan buku teks melibatkan penelitian dan maklum balas daripada pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) seperti guru, ketua jabatan, pengetua, pensyarah, pakar kurikulum dan pakar bahasa. Hal ini penting untuk memastikan keselarasan dengan hasrat kurikulum, memenuhi agenda negara serta menjamin mutu bahan yang dibangunkan. Pihak yang berkepentingan ini perlu





memberikan maklum balas pada tahap-tahap tertentu dalam pembinaan bahan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya maklum balas mereka dapat dipertimbangkan dan disesuaikan dalam bahan dengan lebih bermakna. Duriya (2013) menyenaraikan tiga pihak yang paling penting dalam memberikan maklum balas – pakar kurikulum, guru dan pelajar. Namun beliau tidak menafikan bahawa setiap pihak yang terlibat mempunyai suara yang sama penting dalam memberikan maklum balas dalam proses pembinaan bahan berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing. Selepas ini, pengkaji akan menjelaskan aspek pembinaan buku teks dan bahan pengajaran Bahasa Melayu secara dalaman seperti yang dilakukan di negara Singapura.

1.2.5 Pembinaan Bahan Pengajaran secara Dalaman (*in-house*)



Di Singapura, proses pembangunan buku teks dilakukan oleh pihak MOE sendiri. Pendekatan ini amat berkesan kerana dengan cara ini, MOE dapat mengawal mutu kandungan dari segi kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa yang perlu diajarkan kepada para pelajar pada setiap peringkat persekolahan – sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah mahupun menengah. Buku teks yang dihasilkan sendiri secara dalaman atau *in-house* ini didapati lebih berkesan kerana pembina bahan lebih sedar akan keperluan pengguna, khususnya para pelajar. Ini membantu para guru dan pembina bahan untuk mereka bentuk bahan yang relevan dan sesuai mengikut pembelajaran dan pengajaran tradisional serta mengambil kira konteks dan pengalaman pelajar (Jolly dan Bolitho, 2011).

Menurut Tomlinson (2013), banyak negara sekarang mula membina buku teks mereka sendiri untuk sekolah-sekolah di negara masing-masing. Trend ini dapat





memenuhi perubahan dan keperluan khusus bagi pelajar-pelajar mereka (Tomlinson, 2013). Dengan cara ini, mereka dapat membina bahan yang tersesuai (*customised*) yang memenuhi agenda dan keperluan tertentu. Melalui pembinaan bahan secara dalaman juga akan menyebabkan pelibatan yang lebih baik dalam kalangan guru untuk menulis, menyemak dan menguji cuba bahan yang dibina itu (Tomlinson, 1995). Penghasilan buku teks sendiri atau secara dalaman atau *in-house* melalui satu proses yang lebih holistik diharapkan akan memberikan impak yang positif terhadap bahan-bahan yang dibina. Dalam proses tersebut, aspek maklum balas daripada pelbagai pihak yang berkepentingan akan disertakan untuk memastikan proses itu lebih dinamik dan dapat menghasilkan bahan yang berkesan.

Mulenga dan Musilekwa (2019) menyatakan bahawa salah satu sebab utama pembinaan buku teks yang kurang bermutu adalah apabila hak pembinaan dan penerbitan buku itu diserahkan kepada pihak swasta. Lazimnya, pihak penerbit mempunyai agenda untuk mendapatkan keuntungan daripada buku teks yang dihasilkan (Richards, 2001). Pihak penerbit perlu mendapatkan keuntungan dan mereka harus memastikan bahawa buku teks yang dihasilkan akan digunakan oleh ramai pengguna. Tentunya, kalau lebih ramai pengguna yang membeli dan menggunakan buku teks itu, maka akan membawa lebih banyak keuntungan bagi penerbit. Walaupun pihak penerbit berusaha untuk menghasilkan buku teks yang terbaik yang akan memenuhi keperluan dan kehendak para pengguna, namun mereka juga menitikberatkan aspek keuntungan yang diraih. Hal ini mungkin akan menjejaskan mutu buku teks yang dihasilkan. Inilah sebab meningkatnya usaha kementerian pendidikan di kebanyakan negara untuk menghasilkan buku teks mereka sendiri. Menurut Busaidi dan Tindle (2010) negara-negara yang memulakan usaha untuk membina buku teks dan bahan pengajaran yang





relevan untuk pengguna tempatan mereka termasuklah Belarus, Bulgaria, Columbia, India, Namibia dan Uzbekistan. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan pernyataan masalah bagi kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembangunan buku teks di Singapura tidak mempunyai satu panduan yang khusus. Panduan khusus pembinaan buku teks adalah sangat penting untuk menjamin penghasilan buku yang berkualiti. Menurut Tomlinson (2010) kajian berkaitan buku teks ini akan memastikan buku teks yang dihasilkan menepati kurikulum dan juga sasaran pembaca.



proses yang tersusun dan amalan ini dilakukan sejak beberapa dekad yang lalu. Namun, setakat ini tiada satu rangka atau model khusus yang menyeluruh yang pernah dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu, yang dapat dijadikan panduan yang baik. Oleh yang demikian, pengkaji melihat ini sebagai satu keperluan untuk menyediakan satu model pembinaan buku teks yang lebih berstruktur, untuk menjadi satu rujukan yang lebih baik kepada pembina bahan. Dalam proses ini, elemen-elemen penting perlu disertakan untuk memastikan mutu buku teks akan terjamin.

Ketiadaan model khusus yang jelas dan menyeluruh untuk membina buku teks yang bermutu menyebabkan bahan yang dihasilkan boleh diperbaiki dari pelbagai aspek. Kajian berkaitan pembinaan buku teks penting dilaksanakan. Perlunya kajian tentang pembinaan buku teks ini juga disarankan oleh para pengkaji seperti Brian Tomlinson





dan Hitomi Masuhara. Menurut Tomlinson (2010), kajian berkaitan buku teks ini akan memastikan bahan yang dihasilkan menepati kehendak kurikulum dan juga sasaran pembaca.

Jolly dan Bolitho (2011) telah membina satu model atau rangka untuk menunjukkan proses dalam pembinaan buku teks. Namun, model yang dibina itu kurang menyeluruh kerana tidak kesemua elemen yang perlu dipertimbangkan dalam pembinaan buku teks terdapat dalam model tersebut. Selain itu, model itu didapati tidak mempunyai struktur yang terperinci untuk membantu pembina bahan atau guru dalam pembinaan buku teks yang lebih bermutu.

Beberapa pengkaji yang meneliti keberkesanan buku teks mendapati bahawa beberapa elemen penting harus terdapat dalam proses pembinaan buku teks untuk mengawal mutu buku teks yang dibina. R. Even dan S. Olsher (2014) menyatakan bahawa guru memainkan peranan penting dalam pembinaan buku teks. Mereka merupakan orang yang akan menyampaikan setiap pengajaran di dalam buku teks dan akan menentukan keberkesanan pengajaran yang disampaikan kepada pelajar. Maka, guru harus lebih terlibat dalam pembinaan buku teks. Malah, para guru juga harus berperanan sebagai penilai dan memberikan maklum balas penting untuk menentukan mutu buku teks yang dibangunkan. Eisenmann dan Even (2009, 2011), Grouws, Smith dan Sztajn (2004) dan Haggarty dan Pepin (2002) juga menegaskan bahawa guru berpengaruh dalam pembangunan buku teks.

Dalam pembinaan buku teks, perlu ada konsep yang teratur dan panduan yang jelas bagi kandungan yang disertakan di dalam sesebuah buku teks. Pengkonsepsian





yang betul dan kesedaran bahawa pembinaan buku teks haruslah selaras dengan hal-hal seperti dasar sesebuah negara sama ada dari pendidikan, sosial mahupun politik, keupayaannya untuk memenuhi hasil pendidikan yang diingini serta matlamat kurikulum, harus dipenuhi agar dapat dilihat keberkesanannya (Mahmud, K.; 2010).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif khusus yang berikut:

- Mengenal pasti keperluan pembangunan model proses pembinaan buku teks;
- Mengenal pasti reka bentuk model proses pembinaan buku teks; dan
- Menganalisis tahap kebolehgunaan model proses pembinaan buku teks.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan kajian ini terbahagi kepada tiga fasa seperti yang berikut:

Jadual 1.2

Tiga Fasa Soalan Kajian

Fasa Analisis Keperluan

Soalan Kajian

Soalan 1: Apakah keperluan model proses pembinaan buku teks?

1.1 Apakah pandangan guru dan pelajar tentang penggunaan buku teks?

1.2 Apakah pandangan pakar tentang keperluan model proses pembinaan buku teks?



Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Soalan Kajian

Soalan 2: Apakah reka bentuk model proses pembinaan buku teks?

- 2.1 Apakah elemen-elemen yang perlu terdapat dalam model proses pembinaan buku teks?
- 2.2 Apakah pandangan pakar tentang elemen-elemen dalam model proses pembinaan buku teks?
- 2.3 Bagaimanakah model proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah dibangunkan?

Fasa Penilaian

Soalan Kajian

Soalan 3: Apakah kebolehgunaan model proses pembinaan buku teks?

- 3.1 Apakah tahap keberkesanan buku teks yang dibina berdasarkan model tersebut?
 - 3.2 Apakah tahap kebolehgunaan model proses pembinaan buku teks?
-

1.6 Kepentingan Kajian

Memandangkan buku teks Bahasa Melayu bagi penggunaan guru dan pelajar di Singapura dibina sendiri oleh pihak MOE, maka kawalan yang lebih ketat dapat dilakukan dalam segi mutu dan kandungan bahan supaya sesuai dengan keperluan pelajar dan ini akan memastikan pelaksanaan kurikulum dengan lebih menyeluruh lagi berkesan. Hal ini juga dapat membantu untuk memastikan bahawa setiap pelajar di setiap sekolah akan diajarkan perkara yang sama untuk Bahasa Melayu dalam segi kandungan, pedagogi dan penilaian. Perkara ini disokong oleh kenyataan Stevenson dan Baker (1991);

“Dalam sistem pendidikan yang mempunyai kawalan isu kurikulum yang terpecar (*decentralised*), reformasi kurikulum rasmi, sama ada yang dilakukan pada peringkat kebangsaan mahupun peringkat daerah, tidak akan dilaksanakan sepenuhnya dengan baik di dalam bilik darjah...



Dalam sistem terpusat (*centralised*), reformasi kurikulum akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.” (hlmn. 1)

a Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan (MOE)

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan informasi yang berguna kepada pihak MOE dan pihak-pihak tertentu dalam merancang pembinaan buku teks untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Proses pembinaan buku teks yang dihasilkan bertujuan untuk memberikan satu gambaran yang lebih tuntas atau menyeluruh dalam konsep pembinaan bahan untuk memastikan keberkesanan buku teks yang dibina.

Bagi pembina bahan atau pembina kurikulum di MOE, kajian ini diharapkan dapat memberikan satu panduan yang komprehensif tentang proses yang boleh dijalankan untuk membina buku teks untuk pengajaran dan pembelajaran. Proses ini juga mengambil kira maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak pada setiap tahap yang berbeza, terutamanya daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Singapura.

b Kepentingan kepada Guru Bahasa Melayu

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak guru atau pihak sekolah yang ingin membina buku teks sendiri bagi memenuhi keperluan pelajar di sekolah masing-masing dalam melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah. Setiap sekolah diberikan kebebasan untuk melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah sendiri dengan mengambil kira profil pelajar, fokus dan nilai-nilai yang diterapkan ke dalam kurikulum mereka yang berdasarkan sekolah atau *school-based curriculum*. Proses yang





dicadangkan dalam model pembinaan buku teks ini boleh dipertimbangkan dan diubah suai berdasarkan keperluan pelajar dan kurikulum yang dirancang.

c Kepentingan kepada Penerbit

Pihak penerbit yang menghasilkan buku teks secara komersial juga boleh mendapat manfaat daripada kajian ini. Model yang dibangunkan serta langkah-langkah pembinaan bahan mungkin dapat dipertimbangkan dalam pembinaan buku teks untuk mengambil kira aspek-aspek seperti maklum balas daripada pihak-pihak yang relevan dan penelitian yang mendalam bagi pembaikan yang harus dilakukan pada tahap-tahap tertentu. Pihak penerbit boleh mengikut langkah-langkah pembinaan buku teks yang disarankan dalam model yang dibangunkan oleh pengkaji sebagai panduan yang teratur dan bersistematik bagi menghasilkan buku teks yang bermutu.

d Kepentingan kepada Sekolah-sekolah Swasta

Di Singapura terdapat sekolah-sekolah swasta yang tidak menggunakan buku teks yang dihasilkan oleh pihak MOE. Oleh itu, terdapat keperluan untuk sekolah-sekolah ini membina buku teks mereka sendiri bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar mereka. Pihak sekolah ini boleh menggunakan langkah-langkah yang disusun dalam model proses pembinaan buku teks ini untuk menghasilkan buku teks yang lebih bermutu dan berkesan. Perbincangan selepas ini akan berfokus pula pada batasan kajian yang dijalankan ini.



1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan bagi membangunkan dan menilai kebolegunaan model pembinaan buku teks melalui proses pembinaan buku teks yang dilakukan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah di Singapura. Bagi kajian ini, fokus hanya akan diberikan pada pembinaan buku teks yang dihasilkan untuk peringkat Darjah Satu dan Darjah Dua sahaja.

1.8 Definisi Operasional Kajian

Bahagian ini membentangkan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini akan membantu pengkaji untuk mempunyai pemahaman dan pengertian yang baik sebagai dasar dalam perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini. Yang berikut merupakan definisi bagi aspek-aspek yang diberikan tumpuan:

a Kurikulum

Saylor dan Alexander (1954) mendefinisikan kurikulum sebagai rancangan yang menyediakan peluang pembelajaran untuk mereka yang perlu diberikan pendidikan. Menurut Tyler (1949), kurikulum mengandungi matlamat pendidikan, isi pelajaran, metodologi untuk menyusun dan melaksanakan pengalaman pembelajaran, dan penilaian untuk mengukur keberkesanan pengajaran. Colin Marsh (2004) pula mentafsirkan kurikulum sebagai:



- Perkara yang merangkumi segala pengetahuan yang penting;
- Mata pelajaran yang paling berguna untuk kehidupan kontemporari;
- Pembelajaran yang terancang dan sekolah bertanggungjawab dalam perancangan pembelajaran pelajar.

Kurikulum merangkumi hasrat pendidikan yang mendukung kepercayaan, nilai, sikap, kemahiran, pengetahuan serta segala yang berkaitan dengan pendidikan itu (Mulenga, 2018). Menurut Kurz et al. (2010), kurikulum biasanya dikategorikan berdasarkan tiga cara yang berbeza – iaitu kurikulum yang diinginkan, kurikulum yang dilaksanakan dan kurikulum yang dicapai. Kurikulum yang diinginkan merujuk kepada kurikulum yang rasmi atau kurikulum standard yang digunakan dalam sesebuah negara. Kurikulum yang dilaksanakan pula merujuk kepada cara guru mengajarkan kandungan di dalam bilik darjah. Kurikulum yang dicapai pula merujuk kepada perkara yang benar-benar dipelajari oleh pelajar di dalam bilik darjah. Tarr et al. (2006) memasukkan juga kurikulum bertulis yang merangkumi elemen-elemen seperti buku teks dan bahan sampingan sebagai bahan untuk menyampaikan kurikulum. Johnson dan Majewska (2022) pula memasukkan konsep pembelajaran formal dan tidak formal dalam perbincangan tentang kurikulum. Alsubaei (2015) pula membincangkan isu kurikulum tersembunyi atau *hidden curriculum* dalam kertas kerjanya. Menurut beliau, kurikulum tersembunyi ini tidak dirancang tetapi memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Kurikulum sebegini merujuk kepada nilai-nilai yang implisit, sikap, prosedur dan norma-norma yang wujud dalam latar pendidikan (Miller dan Seller, 1990). Konsep kurikulum tersembunyi ini, yang melahirkan dan mewakili sikap, pengetahuan dan kelakuan, sering disampaikan tanpa adanya kesedaran, dan disampaikan secara tidak langsung sama ada melalui kata-kata atau tindakan yang





menjadi sebahagian daripada kehidupan anggota masyarakat (Jerald, 2006). Oleh itu, kurikulum ini merupakan sesuatu yang positif dan negatif dalam sistem pendidikan di sekolah. Makanya, para guru perlu sedar akan perkara ini dan cara ia wujud di sekolah (Jerald, 2006).

Daripada definisi yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa kurikulum ialah satu rancangan tindakan yang bertujuan untuk menyampaikan kandungan mata pelajaran, yang membolehkan pelajar untuk menguasai kemahiran umum dan pengetahuan dalam pelbagai situasi. Situasi ini haruslah merupakan pengalaman pembelajaran yang akan dialami oleh pelajar. Dalam konteks pengajaran bahasa, kurikulum haruslah merangkumi aspek kemahiran bahasa dan juga pengetahuan bahasa yang boleh diterjemahkan secara berkesan dan praktikal. Kurikulum ini dirancang bagi menyediakan kesempatan atau peluang dan untuk membimbing pelajar memperoleh ilmu dan pengalaman yang diinginkan berdasarkan matlamat yang dikehendaki. Dalam konteks kajian ini, adalah penting untuk memastikan terdapatnya keselarasan antara pembinaan sukatan pelajaran dan pembinaan buku teks dalam pembangunan kurikulum. Buku teks yang efektif akan dapat dibina sekiranya perancangan dan penelitian dilakukan dalam perancangan kurikulum pada peringkat awal lagi.

b Buku Teks

Buku teks dianggap sebagai bahan pengajaran yang penting bagi sesuatu subjek dalam kurikulum. Buku teks merupakan bahan rujukan utama, di samping bahan-bahan pengajaran lain di sekolah, yang diperlukan oleh pelajar untuk mewujudkan kesan positif terhadap pembelajaran dan mutu pendidikan secara umum. Oleh itu, mutu





sesuatu sistem pendidikan itu boleh dipengaruhi oleh buku teks (Mulenga dan Musilekwa, 2019). Mohd Nazri et al, (2014) pula menyatakan bahawa buku teks merupakan terjemahan prinsip-prinsip asas sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang menjadi rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Makanya, buku teks merupakan dokumen rujukan yang penting bagi para guru dan pelajar. Buku teks secara umumnya dilihat sebagai alat yang menggambarkan idea-idea asas dalam reformasi kurikulum dan memainkan peranan dalam membantu memulakan dan mengekalkan reformasi. Namun, buku teks juga merupakan bahan pengajaran utama dalam persekolahan, yang mempunyai kandungan yang membolehkan pelajar mencapai objektif yang ditetapkan dalam piawaian kurikulum. Oleh itu, buku teks ialah sumber dan alat penting bagi pengajaran guru dan pembelajaran pelajar (Li dan Wang, 2024).



Dalam pada itu, buku teks merupakan bahan pengajaran utama di sekolah-sekolah dan mempunyai kandungan yang membantu para pelajar untuk mencapai objektif yang ditetapkan dalam kurikulum. Buku teks ialah alat pengajaran yang penting dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Namun, perkara yang akan memberikan kesan dalam penggunaan buku teks itu sendiri adalah apabila buku teks itu digunakan sepenuhnya oleh kedua-dua guru dan pelajar (Fullan, 2000). Buku teks berupaya untuk membantu guru mencapai matlamat pendidikan dengan adanya kandungan yang sesuai dan relevan yang dapat melancarkan pengajaran (Mithans, 2020).



Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan pada proses dalam pembinaan bahan utama, iaitu buku teks, yang merupakan bahan bercetak yang menjadi rujukan pelajar-pelajar dan para guru.

c Proses Pembinaan Buku Teks

Pembinaan buku teks merupakan satu proses yang memerlukan kajian yang berterusan dan disiplin yang ketat (Mahmood, K.; 2010). Proses pembinaan buku teks harus mengambil kira pelbagai elemen penting untuk memastikan keberkesanan buku tersebut. Dalam kajian mereka mengenai mutu buku teks di Zambia, Mulenga dan Musilekwa (2019) menerangkan bahawa buku teks yang tidak berkualiti ialah satu petunjuk jelas bahawa terdapat masalah-masalah yang perlu ditangani dalam proses pembinaan buku teks itu.

Proses pembinaan buku teks bukanlah satu proses yang mudah atau linear. Proses ini lazimnya ialah satu proses yang mempunyai pelbagai tahap dengan pelibatan pihak-pihak berkepentingan dalam peringkat-peringkat tertentu dalam rangka pembangunan kurikulum itu sendiri. Malah, proses ini mempunyai tahap dan jangkaan yang berbeza dari segi pengaruhnya ke atas proses tersebut dan hasil yang diraih (Duriya, 2013). Oleh sebab itu, untuk menghasilkan buku teks khususnya, memerlukan prinsip dan prosedur yang sistematik dan tersusun agar buku teks yang dihasilkan dijamin bermutu dan mempunyai tahap kebolegunaan dan keberkesanan yang tinggi (Tomlinson, 2013).



Elemen-elemen penting seperti konsep dan keselarasan dengan kehendak dasar negara serta matlamat kurikulum, pelibatan pihak-pihak yang berkepentingan seperti guru, pelajar dan para akademik, pengujian atau uji coba buku teks sebelum melalui proses penerbitan, penghalusan buku teks yang berterusan, latihan guru untuk mempersiapkan mereka dalam menggunakan buku tersebut, dan pemantauan dari segi kebolegunaannya adalah penting. Oleh itu, proses pembinaan buku teks merupakan satu proses yang berterusan dan juga rumit. Namun, dengan adanya model yang menjelaskan langkah atau prosedur pembinaan buku teks dengan cara yang sistematik dan teratur akan menjamin buku buku teks yang dihasilkan.

d Model Proses Pembinaan Buku Teks

Model dalam proses pembangunan buku teks boleh didefinisikan sebagai kerangka berstruktur yang merangkumi langkah-langkah dan metodologi sistematik yang digunakan untuk mencipta, merancang, dan menilai buku teks pendidikan. Model ini biasanya mengandungi beberapa fasa seperti analisis keperluan, pembangunan kandungan, reka bentuk, pengeluaran, dan penilaian. Model yang jelas membantu untuk memperkemas proses pembangunan, menjadikannya lebih berkesan dan berfokus. Pendekatan berstruktur ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan setiap fasa dilakukan dengan lebih baik (Reigeluth, 2009). Hal ini ditekankan oleh Khalil and Al-Shammari (2021) tentang kepentingan kerangka terstruktur dalam reka bentuk pengajaran untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan bahan pendidikan. Kajian Cheng & Zhang (2022) juga menekankan keperluan untuk model yang selaras dengan standard kurikulum bagi memastikan hasil pendidikan yang berkesan. Mackey & Gass (2021) pula menggalakkan pengutamaan keperluan pelajar melalui analisis yang teliti





untuk mencipta buku teks dan bahan pendidikan yang menarik. Dalam kajian ini, pengkaji akan membangunkan model proses pembinaan buku teks yang dapat menjadi satu panduan berstruktur dan sistematik.

e Keberkesanan

Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada keupayaan buku teks dalam memastikan agar pengajaran dan pembelajaran memenuhi matlamat pendidikan dan menepati keperluan pelajar. Menurut Li & Wang (2024), buku teks itu sendiri tidak dapat meningkatkan kemampuan pengajaran guru atau kemampuan pembelajaran pelajar. Buku teks hanya dapat memberikan pengaruh dan membuktikan keberkesanannya apabila digunakan sepenuhnya oleh guru dan pelajar. Buku teks yang menarik dan bermutu dapat meningkatkan penglibatan dan ingatan pelajar (Hattie & Donoghue, 2016). Prinsip-prinsip Mayer (2021) menekankan bahawa buku teks yang berkesan dapat menghubungkan kandungan dengan aplikasi dunia nyata, meningkatkan pemahaman dan kerelevanan. Hal ini disokong oleh Jiang (2021), yang mendapatkan maklum balas daripada guru dan pelajar untuk melihat keberkesanan buku teks. Maka, dalam kajian ini, pengkaji melihat keberkesanan buku teks yang dibina berdasarkan model proses pembinaan buku teks itu berdasarkan perspektif pengguna buku teks itu, iaitu para guru dan pelajar yang menggunakannya.

f Kebolegunaan

Kebolegunaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penilaian terhadap kebolegunaan model yang merangkumi langkah-langkah dalam proses pembinaan





buku teks yang dilaksanakan pada fasa ketiga dalam kajian ini. Kebolegunaan boleh dimaksudkan sebagai mutu yang terlahir apabila berlakunya perinteraksian antara manusia dengan produk, sistem atau perkhidmatan yang dicipta oleh pemikiran dan hasil tangan manusia (Djalev dan Bogdanov, 2019). Neilsen (2012) mengaitkan kebolegunaan sebagai sesuatu yang telah melalui penilaian dan didapati mudah digunakan. Misalnya, dalam penghasilan satu reka bentuk produk yang dapat menepati keperluan para penggunanya.

Menurut Alex K.H. (2016) kebolegunaan bermaksud tahap sesebuah sistem atau produk itu berupaya untuk memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna secara berkesan dan efektif. Kebolegunaan sesuatu produk itu diukur melalui pengalaman pengguna (Nokelainen, 2006). Hal ini merupakan faktor utama dalam menentukan keberkesanan dan penggunaan buku teks sebagai bahan pembelajaran (Kumar, Emory, dan Choppella, 2018). Dalam kajian ini pengujian atau penilaian kebolegunaan ini dilakukan melalui kaedah penilaian panel pakar. Penggunaan kaedah ini bersesuaian dengan saranan Chai & Chen (2004) dalam penilaian kebolegunaan. Kajian ini memberikan fokus kepada kebolegunaan model yang menyenaraikan elemen-elemen dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghasilkan buku teks yang bermutu, sebagai bahan rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengambil kira rangka atau prosedur dalam proses pembinaan buku teks yang dibina oleh Rob Bolitho (2011) sebagai sandaran dalam melihat dan menguji kebolegunaan model yang telah dibangunkan.





1.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan lapan perkara di atas mengenai skop kajian dan permasalahan kajian ini yang telah mencetuskan beberapa objektif kajian dan juga persoalan kajian. Bab ini memberikan gambaran secara menyeluruh tentang asas kajian yang melibatkan aspek-aspek penting dalam membangunkan model pembinaan buku teks Bahasa Melayu bagi peringkat sekolah rendah dalam konteks negara Singapura. Bab ini turut membincangkan latar belakang masalah kajian serta pernyataan masalah yang diutarakan bagi mengupas senario yang mendorong ke arah penghasilan kajian ini. Objektif kajian dan soalan kajian pula dikemukakan bagi memberikan fokus pada penghasilan model pembangunan buku teks agar lebih terarah dan memberikan gambaran yang tepat dalam menjalankan kajian ini. Manakala kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional turut dibincangkan dalam bahagian pendahuluan kajian ini agar dapat menentukan kerelevanan dalam pelaksanaan kajian ini.





BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengemukakan sorotan mengenai beberapa perkara utama, iaitu konsep reka bentuk pengajaran dan teori, model kurikulum dan prinsip yang mendasarinya, buku teks dan konsep pembinaannya. Dalam pembinaan buku teks, kita tidak akan terlepas daripada membicarakan hal reka bentuk pengajaran (*Instructional Design*) kerana konsep pembinaan bahan ini terkandung dalam bahagian pembangunan atau *development* dalam model reka bentuk pengajaran yang akan dibincangkan kelak dalam bab ini.

Dalam bab ini juga, takrif mengenai konsep pembinaan buku teks juga akan dibincangkan, termasuk isu-isu dan trend terkini dalam pembinaan bahan. Teori, model kurikulum dan prinsip-prinsip dalam pembinaan bahan juga akan disentuh dan ini akan dikaitkan dengan pembinaan buku teks dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 di Singapura.

